

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 44 (2) (December 2017): 73-93
@ History, Politics & Securities Research Centre, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

SUFFIAN Mansor
Universiti Kebangsaan Malaysia
AISHA BIBI Kamaruddin
AZHARUDIN Mohamed Dali
Universiti Malaya

PERMASALAHAN KUOMINTANG DALAM POLITIK CHINA, 1911-1949: SATU TINJAUAN UMUM

THE GUOMINDANG'S PROBLEMS IN CHINESE POLITIC, 1911-1949: A GENERAL SURVEY

China pada awal dan pertengahan abad ke-20 mengalami pelbagai masalah yang mengancam kedaulatannya. Dinasti Qing gagal memerintah China dengan baik telah disingkirkan oleh pihak nasionalis yang kemudiannya menubuhkan Kuomintang (KMT). KMT juga menghadapi masalah besar untuk memulihkan masalah di China. Yuan Shih Kai yang diharap memimpin China dengan baik gagal berbuat demikian dan telah mengkhianati perjuangan KMT. Kematian Yuan Shih Kai membawa masalah besar apabila China berpecah berdasarkan penguasaan panglima perang. Dengan pertolongan Soviet Union, KMT telah berjaya menyatukan China pada tahun 1928. Walaupun berjaya berkuasa di China tetapi KMT masih mempunyai masalah besar. Panglima Perang masih lagi tidak menunjukkan taat setia yang kuat kepada KMT. Manakala hubungan KMT dan komunis mula rengang pada pertengahan tahun 1920an. Hal ini mewujudkan masalah antara mereka sehingga KMT berusaha melenyapkan komunis di China. Pencerobohan tentera Jepun pada tahun 1930an membawa masalah KMT semakin rumit. Walaupun mendapat sokongan Soviet Union dan Amerika Syarikat dalam melawan Jepun tetapi KMT gagal menangani kemaraan Jepun. Tamatnya perang tidak menamatkan masalah KMT. KMT terpaksa pula berhadapan dengan masalah lama iaitu komunis. Masalah antara kedua-dua pihak ini berterusan sehingga tamatnya Perang Dunia Kedua. Akhirnya KMT gagal mempertahankan China apabila ditewaskan oleh pihak komunis pada tahun 1949.

Kata kunci: *Dinasti Qing, Kuomintang dan Parti Komunis China*

China at the beginning and the middle of the 20th century experienced various problems that threatened its sovereignty. The Qing dynasty failed to govern China had been dethroned by the nationalists who later set up the Kuomintang (KMT). KMT also faces major problems

to solve China's problems. Yuan Shih Kai who was expected to lead China failed to do so, and had betrayed the KMT struggle. Yuan Shih Kai's death brought a major problem when China broke out with emerged several warlords. With the help from the Soviet Union, the KMT succeed to unite China in 1928. Despite being in power in China, the KMT still had big problems. The warlords still did not show a strong loyalty to the KMT. While the KMT and communist relations began to worsen in the mid-1920s. This create the problem between them which the KMT tried to eliminate the communist. The invasion of the Japanese army in the 1930s brought the KMT in another problem. Despite the support of the Soviet Union and the United States against Japan, the KMT failed to control Japanese advance. The end of war did not end the KMT problem. KMT had to face the old problems which was communism. The problem between the two sides continued until the end of the Second World War. At the end the KMT failed to defend China when it was defeated by the communists in 1949.

Keywords: *Qing Dynasty, Kuomintang and Chinese Communist Party*

Pengenalan

Sejarah China pada abad ke-20 terutamanya selepas Perang Dunia Kedua seringkali dipenuhi dengan pelbagai masalah politik terutama membabitkan KMT¹ dan pihak Parti Komunis China (PKC). Konflik antara kedua-dua parti ini berakar umbi daripada sebelum Perang Dunia Kedua lagi. KMT yang memperjuangkan nasib bangsa dan negara China terpaksa mengharungi cabaran besar daripada dalam dan luar negara. Malahan sokongan rakyat China juga turun naik ke atas parti ini. Kemunculan PKC pada awalnya merupakan rakan seperjuangan mereka tetapi rasa curiga dan tidak mempercayai gerakan PKC menyebabkan kedua-dua parti bermusuhan. Hal ini menjadi ramuan penting dalam bibit-bibit awal konflik berpanjangan antara kedua-dua parti. Masalah KMT ini juga bukannya setakat berkonflik dengan PKC tetapi menghadapi masalah dari sokongan panglima perang yang tidak pasti akan kesetian mereka kepada KMT. Manakala ancaman luar seperti serangan Jepun menambah masalah kepada KMT.

Penulisan mengenai konflik politik di China sehingga ke hari ini tidak banyak dikaji terutamanya penulisan dalam bahasa Melayu. Malahan topik ini jarang menjadi tumpuan utama.² Secara umumnya tidak banyak tulisan mengenai sejarah China yang dihasilkan dalam bahasa Melayu sedangkan hubungan Malaysia-China telah wujud begitu lama. Dalam usaha untuk menambahkan kajian sejarah China, kajian ini akan menyelongkar masalah yang dihadapi oleh KMT hingga akhirnya parti ini terpaksa berpindah ke

Taiwan dan terus kekal sehingga ke hari ini. Perbincangan tentang hal ini akan dimulakan dengan meneliti tentang proses kejatuhan Dinasti Qing.

Gerakan Nasionalis dan Kejatuhan Dinasti Qing

Kemunculan KMT berikutan dengan gerakan nasionalisme yang muncul di China pada akhir abad ke-19. Gerakan nasionalisme ini muncul ekoran daripada tindakan pencerobohan kuasa asing dan kelemahan pemerintah China ketika itu iaitu Dinasti Qing. Namun demikian sejak akhir abad ke-19 telah muncul gerakan penentangan keatas Dinasti Qing. Pada awal abad ke-20 pula banyak berlaku gerakan pemberontakan keatas Dinasti Qing.³ Pada tahun 1909, iaitu sebelum tercetusnya pemberontakan Revolusi 1911,⁴ pemberontakan terhadap Dinasti Qing menjadi bertambah kerap dan sengit. Selain daripada semangat nasionalisme pemberontakan terhadap berpunca daripada bencana kemarau, pengangguran dan masalah rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan.

Masalah yang dialami oleh China ini menyebabkan rakyat China mula beranggapan bahawa Dinasti Qing gagal mempertahankan China lagi dan perlu digantikan. Ketidak yakinan rakyat China kepada dinasti ini bertepatan dengan anggapan bahawa dinasti itu telah hilang mandat dari syurga. Pandangan seumpama ini adalah pandangan tradisi masyarakat China yang percaya bahawa kerajaan yang bermasalah tidak layak lagi memerintah China. Oleh itu rakyat China mempunyai hak menjatuhkan atau menggulingkan dinasti ini. Selepas itu ia akan diganti dengan dinasti baharu. Kemuncak kepada semangat menentang Dinasti Qing ini muncul pada tahun 1911. Pada tahun itu satu gerakan menentang Dinasti Qing dipimpin oleh Sun Yat-sen telah bergerak sejak akhir abad ke-19. Sun Yat-sen bercita-cita untuk menggantikan sistem monarki di China yang dianggap tidak sesuai lagi memerintah China dengan kerajaan republik yang menerapkan nilai prinsip demokrasi dalam pemerintahan. Beliau telah mengembara ke Eropah dan melakukan pemerhatian terhadap cara pemerintahan di sana. Melalui pemerhatian beliau ke negara luar, beliau mendapati terdapat banyak perbezaan antara negara luar dengan China.

Beliau kemudiannya melahirkan idea-idea baharu untuk membina negara yang sepenuhnya mendapat sokongan rakyat. Idea-idea yang diutarakan oleh beliau ini cuba memberi kekuatan kepada pihak revolusi pimpinan beliau untuk melawan monarki di China dan seterusnya mewujudkan wadah baharu dalam sistem politik China. Asas teori politik ini dikenali sebagai *San Min Chu I*, yang dihasilkan oleh Sun Yat-sen melalui pemikiran dan pemerhatian beliau di negara barat. Prinsip yang dianjurkan oleh beliau ini adalah mengenai nasionalisme, prinsip demokrasi dan prinsip mata pencarian rakyat. Prinsip ini digunakan sebagai prinsip asas dalam pemerintahan selepas Revolusi 1911.⁵

Sun Yat-sen membuat persediaan yang rapi bagi menggerakkan pemberontakan untuk menggulingkan Dinasti Qing dari pemerintahan China,

dan menubuhkan sebuah kerajaan moden di China iaitu Kerajaan Republik. Tujuan Sun Yat-sen mengambil keputusan ini adalah kerana terdapat banyak masalah dalam pentadbiran Dinasti Qing ketika itu, antaranya penindasan terhadap rakyat.⁶ Matlamat Sun Yat-sen untuk menggulingkan Dinasti Qing digerakkan dalam Revolusi 1911.⁷ Perjuangan Sun Yat-sen ini mendapat kelebihan kerana Dinasti Qing melakukan penindasan keatas penduduk China. Tindakan ini dijadikan antara asas perjuangan golongan revolusi ini yang membawa kepada meletusnya Revolusi 1911.⁸

Revolusi 1911 menunjukkan beberapa perkara penting dalam sejarah China moden. Revolusi 1911 disertai oleh golongan wanita dan penyertaan wanita menunjukkan bahawa mereka menyahut seruan Sun Yat-sen untuk menubuhkan Dinasti Qing dan menubuhkan sebuah kerajaan yang menjaga kepentingan rakyat. Pada ketika semangat patriotik dalam diri wanita China adalah tinggi dan pengaruh dari barat juga berjaya membangkitkan semangat golongan wanita hingga menyebabkan mereka terlibat aktif dalam perjuangan ini. Antara tokoh-tokoh wanita yang mengambil bahagian dalam KMT ketika ini, ialah Xiangning, Qiu Jin, Wu Yanan dan Xu Zonghan.⁹ Wu Shuqing yang merupakan pelajar wanita yang berumur 19 tahun dari Hanyang, daerah Hupeh pula mencadangkan penubuhan tentera wanita. Dalam artikel yang diterbitkan dalam surat khabar Minli pada 31 Oktober 1911, beliau menyatakan bahawa beliau sanggup mengorbankan nyawa dalam menentang musuh.¹⁰

Revolusi 1911 tercetus dengan tidak sengaja apabila landasan kereta api yang berdekatan dengan ibu pejabat pihak revolusi di Wuchang, Hupeh meletupkan oleh sebutir bom pada 9 Oktober 1911. Kejadian ini telah membawa kepada kebangkitan golongan Revolusi. Li Yuan-hung telah dilantik menjadi Gabenor Tentera Hupeh disebabkan ketiadaan pemimpin dalam gerakan revolusi, dan beliau telah memimpin pihak revolusi berperang dengan tentera Qing. Pada ketika ini juga, banyak wilayah seperti wilayah Hunan, Kiangsi, Kiangsu, dan Chekiang mengisytiharkan kemerdekaan daripada Dinasti Qing.¹¹ Kejayaan ini menyebabkan pemimpin-pemimpin revolusi menubuhkan Kerajaan Republik setelah Sun Yat-sen tiba di Shanghai dan beliau telah dilantik sebagai presiden sementara.

Di ibu kota iaitu Beijing, Dinasti Qing mengambil langkah untuk melantik Yuan Shih Kai seorang pemimpin tentera berpengalaman untuk mengetuai tentera darat dan laut. Yuan Shih Kai telah menunjukkan kecemerlangan dalam memadamkan pemberontakan ini. Satu persatu wilayah dikuasai oleh pihak revolusi telah jatuh ditangan tentera Qing dibawah pimpinannya. Kecemerlangan Yuan Shih Kai dalam peperangan ini telah membuktikan bahawa beliau merupakan seorang ketua tentera yang hebat. Kehebatan Yuan Shih Kai ini menyebabkan pihak revolusi meminta rundingan dengan Yuan Shih Kai. Dalam rundingan itu mereka telah bersetuju untuk melantik Yuan Shih Kai sebagai Presiden Kerajaan Republik China menggantikan Sun Yat-sen.

Sebagai balasan, Yuan Shih Kai bersetuju mendesak Dinasti Qing menyerahkan kuasa pemerintahan kepada pihak revolusi. Untuk menunaikan janji beliau, Yuan Shih Kai mendesak maharaja Dinasti Qing turun takhta. Tekanan dari Yuan Shih Kai ini menyebabkan maharaja tidak mempunyai pilihan terpaksa turun takhta pada 13 Januari 1912. Yuan Shih Kai juga memainkan peranan dalam mengelak rasa kurang puas hati pihak maharaja dan kerabatnya. Beliau tidak menghukum pihak maharaja tetapi terus memberi layanan baik kepada ahli keluarga diraja dan bekas maharaja. Layanan baik kepada ahli keluarga diraja menyebabkan tiada pemberontakan dari ahli keluarga diraja terhadap pemerintahan Yuan Shih Kai.¹²

Masalah KMT Pada Awal Pemerintahan

Kejayaan menyingkirkan Dinasti Qing membolehkan jentera pentadbiran Kerajaan Republik China disusun mengikut sistem pentadbiran demokrasi. Menerusi sistem demokrasi satu pilihan raya telah diadakan untuk membolehkan kerajaan baharu dibentuk berdasarkan undi rakyat. Bagi menghadapi pilihan raya ini, Sun Yat-sen dan beberapa orang pemimpin revolusi telah menyusun semula pergerakan revolusinya menjadi sebuah parti politik iaitu KMT. Selain KMT beberapa parti lain juga turut bertanding iaitu Parti Penyatuan (T'ung-I tang), Parti Republik (Kung-ho tang) dan Parti Demokratik (Min-chu tang). Keputusan pilihan raya ini memberi kemenangan kepada KMT. Sementara itu Parti Progresif (Chin-pu tang) yang pada asasnya menyokong kerajaan Yuan Shih Kai gagal mendapat sokongan rakyat.¹³

Kejayaan KMT ini tidak dapat direalisasikan dengan pembentukan kerajaan kerana Yuan Shih Kai tidak mahu melepaskan jawatannya. Malahan Sung Chiao-jen yang menjadi pemimpin utama dalam kempen pilihan raya KMT dan yang disebut-sebut sebagai bakal perdana menteri telah mati dibunuh. Beliau dibunuh di station keretapi Shanghai pada tahun 1913. Yuan Shih Kai dituduh terlibat dalam pembunuhan itu terlepas apabila bukti-bukti tidak cukup mensabitkan kesalahan beliau. Ini merupakan masalah pertama KMT selepas dibentuk. Sementara itu Yuan Shih Kai bertindak mengecilkan pengaruh KMT. Hal ini dilakukan oleh beliau dalam peralihan jawatan kabinet. Beliau telah memberikan jawatan penting kepada penyokongnya seperti kementerian hal ehwal luar negeri, hal ehwal dalam negeri, perang dan tentera laut. Sementara itu, beliau memberikan jawatan kementerian yang kurang berpengaruh, iaitu kementerian pendidikan, keadilan, pertanian dan perhutanan kepada ahli-ahli KMT.¹⁴

Masalah KMT berterusan apabila Yuan Shih Kai membuat pinjaman yang tidak dipersetujui oleh parlimen.¹⁵ Yuan Shih Kai telah dikritik oleh KMT. Yuan Shih Kai bertindak dengan membubarkan KMT dan menekan parlimen untuk bersetuju dengan pinjaman yang beliau lakukan. Susulan daripada tindakan Yuan Shih Kai ini pihak KMT melakukan pemberontakan kali kedua

tetapi berjaya dipatahkan. Akibat kegagalan revolusi kedua ini maka Sun Yat-sen terpaksa melarikan diri ke Jepun. Kelemahan KMT ini membolehkan Yuan Shih Kai bertindak sesuka hati termasuk menghidupkan semula sistem monarki. Usaha beliau untuk menubuhkan pemerintahan beraja timbul melalui desakan anak sulungnya, iaitu Yuan K'o-ting yang mempunyai cita-cita untuk menjadi putera raja.¹⁶ Beliau juga mendapat sokongan daripada rakan-rakannya untuk menjadi maharaja.¹⁷ Malah Dr. Frank J. Goodnow yang merupakan penasihat perlembagaannya juga menggalakkan penubuhan monarki perlembagaan.¹⁸ Pada akhir tahun 1915, perhimpunan kebangsaan memutuskan bahawa beliau merupakan maharaja yang baharu dan mengarahkan persiapan dibuat untuk penabalan beliau sebagai maharaja.¹⁹ Kemudiannya, pada tahun 1916, Yuan Shih Kai melantik dirinya sebagai maharaja baharu di China.²⁰

Tidak semua pihak setuju dengan usaha Yuan Shih Kai mengembalikan sistem monarki. Akibatnya berlaku penentangan terhadap rancangan beliau ini. Parti Progresif telah mengadakan kempen ketenteraan yang dikenali sebagai Peperangan Melindungi Republik untuk menentang Yuan Shih Kai. Walaupun pada asalnya Parti Progresif menyokong pelantikan Yuan Shih Kai sebagai presiden China, namun usaha Yuan Shih Kai untuk menjadi maharaja telah menyebabkan mereka menarik balik sokongan tersebut. Selain itu, Jeneral Cai E yang merupakan bekas gabenor Yunnan juga membantah pemerintahan monarki Yuan Shih Kai. Pada 23 Disember 1915, Jeneral Cai E dan Jeneral Tang Jiyao yang merupakan komander tentera Yunnan, dan Jeneral Ren Kecheng yang merupakan ketua tentera telah menghantar surat kepada Yuan Shih Kai untuk menyuruhnya membatalkan pemerintahan monarki. Disebabkan tiada jawapan yang diberikan oleh Yuan Shih Kai, maka Yunnan telah diisytiharkan sebagai wilayah bebas.²¹

Sementara itu pada 15 Mac 1916, wilayah Kwangsi mengisytiharkan wilayahnya sebagai wilayah bebas dan mengarahkan Yuan Shih Kai turun takhta. Kempen anti monarki semakin berkembang dan Yuan Shih Kai gagal mengawal keadaan. Sementara itu pengikut setia beliau seperti Feng Guozhang, Zhang Xun dan lain-lain menasihati beliau agar meninggalkan pemerintahan monarki. Akhirnya, beliau telah mengalah dan memansuhkan pemerintahan monarki serta mengisytiharkan pembentukan semula kerajaan republik pada 22 Mac 1916. Selepas Yuan Shih Kai memansuhkan pemerintahan monarki, beliau telah menubuhkan pemerintahan tentera dan ini menyebabkan ramai yang tidak berpuas hati sehingga menyebabkan wilayah Kwantung dan Chekiang mengisytiharkan wilayah mereka sebagai wilayah bebas pada 6 April 1916. Pergerakan anti monarki menuntut Yuan Shih Kai agar meletak jawatan dan banyak wilayah yang mengisytiharkan kebebasan mereka. Pada 6 Jun 1916, Yuan Shih Kai telah mati mengejut.²²

Selepas kematian Yuan Shih Kai, tiada sesiapa yang ingin menggantikan kedudukan beliau sebagai presiden. Dalam wasiat beliau, Yuan Shih Kai cuma menyatakan tiga nama sebagai pengganti beliau, iaitu Hsu

Shih-chang, Li Yuan-hung dan Tuan Ch'i-jui. Namun, ketiga-tiga calon ini tidak berminat untuk menerima tawaran ini. Akhirnya Tuan Ch'i-jui membuat keputusan untuk melantik Li Yuan-hung sebagai presiden.²³ Pada 7 Jun 1916, Li Yuan-hung telah secara rasmi menjadi presiden China.²⁴ Namun demikian beliau gagal mentadbir secara berkesan dan baik kerana wilayah-wilayah China berpecah dibawah panglima perang. Panglima perang ini menguasai wilayah-wilayah tertentu seperti Chang Tso-lin menguasai Manchuria, Chang Ch'ing-yao menguasai Hunan, Yen Hsi-shan menguasai Shansi dan Feng Yü-hsiang menguasai bahagian barat laut China.²⁵

Sementara itu Sun Yat-sen mula menyusun semula pergerakan KMT. Pada tahun 1917, Sun Yat-sen telah menubuhkan kerajaan di selatan China dengan beliau sendiri dilantik sebagai *generalissimo* yang berpusat di Canton. Pada waktu ini, beliau menyusun semula partinya dan cuba membentuk tentera sendiri. Walau bagaimanapun Sun Yat-sen tidak mempunyai kuasa kerana kuasa sebenar di bawah ketua wilayah Kwangsi, iaitu Lu Yung-t'ing yang merupakan Panglima Perang bagi Kwangtung dan Kwangsi. Oleh itu, beliau melantik Lu Yung-t'ing dan T'ing Chi-yao iaitu gabenor dan timbalan gabenor Yunnan dan Kweichow sebagai timbalannya. Walaupun, Lu Yung-t'ing bersetuju menerimanya, namun usaha Sun Yat-sen untuk menyatukan China tidak direstui oleh panglima-panglima perang yang lain. Ini kerana beberapa panglima perang yang menguasai wilayah-wilayah di China enggan untuk bersatu. Walaupun begitu, selepas beberapa tahun, usaha Sun Yat-sen berhasil apabila beliau mendapat sokongan beberapa panglima perang yang lain menyebabkan beliau dapat menguasai semula Canton. Namun demikian, kedudukan Sun Yat-sen masih rapuh disebabkan beliau bergantung pada sokongan para panglima perang yang terdiri daripada Hsu Ch'ung-chih dari Kwangtung, T'an Yen K'ai dari Hunan, Yang Hsi-min dari Yunan dan Liu Chen-huan dari Kwangsi. Oleh itu, Sun Yat-sen berusaha untuk mencari sokongan dari dalam mahupun luar negara.

Persefahaman Sun Yat-sen dengan Adolf Joffe telah menukar nasib beliau, dan membawa kebangkitan KMT pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an.²⁶ Adolf Joffe yang merupakan wakil Soviet Union telah menyatakan hasrat Soviet Union untuk membantu KMT. Sokongan Soviet Union ini dapat dilihat dengan menghantar penasihat-penasihat mereka ke China. Mereka juga membantu menyusun semula tentera KMT dan membantu penubuhan Akademi Tentera Whampao. Sehubungan dengan itu juga PKC telah diminta bersatu dengan KMT.²⁷ Akhirnya pihak komunis diterima sebagai ahli KMT membentuk pakatan baharu yang dikenali sebagai Barisan Bersatu. Sokongan daripada Soviet Union ini telah mengukuhkan kedudukan tentera KMT. Namun demikian KMT kehilangan kepimpinan Sun Yat-sen apabila beliau meninggal dunia pada 12 Mac 1925. Kepimpinan KMT kemudiannya diambil alih Chiang Kai-shek. Beliau memulakan gerakan penyatuan China dengan melancarkan kempen Ekspedisi Keutara. Kempen ini dilancarkan pada masa

yang baik kerana golongan panglima perang berperang sesama sendiri di utara. Peperangan antara mereka ini bermula sejak awal tahun 1920an. Manakala kempen penyatuan KMT bermula pada tahun 1926. Berpusat di Canton, tentera KMT berjaya menawan satu persatu bandar di China dan menumpaskan beberapa orang jenderal panglima perang. Ada juga panglima perang yang menyertai KMT. Pada 24 Mac 1927, tentera Ekspedisi Utara telah menawan Nanjing, Chiang Kai-shek telah mengisytiharkan penubuhan kerajaan GMD.²⁸ Kempen penyatuan diteruskan dengan menawan Beijing pada tahun 1928. Beijing akhirnya ditawan oleh panglima perang yang menyokong KMT.

Kerajaan KMT dan masalah dalaman China

Kejayaan KMT dalam mengalahkan panglima perang tidak membuat KMT kukuh. Ini kerana KMT mempunyai tugas besar dalam menyusun semula kerajaan dalam satu bentuk kerajaan yang bersatu. Sokongan Panglima Perang kepada kerajaan KMT tidak dapat dipastikan akan kejujuran mereka untuk terus menyokong kerajaan KMT. Manakala bekas sekutunya iaitu PKC menjadi musuh ketara bagi KMT. Pihak komunis sebelum kempen keutara digerakkan adalah penyokong KMT. PKC telah diarah oleh Komunis Antarabangsa di Moscow untuk menyertai pakatan dengan KMT sebagai ahli KMT. Atas arahan itu pakatan antara kedua-dua parti ini mewujudkan Barisan Bersatu. Pakatan ini mendapat restu daripada Sun Yat-sen. Namun demikian setelah Sun Yat-sen meninggal dunia, pakatan ini mulai retak dengan naiknya Chiang Kai-shek sebagai pemimpin KMT. Beliau yang mengesyaki komunis sebagai musuh yang harus dihapuskan. Kesempatan menghapuskan elemen komunis ini bermula apabila Ekspedisi Keutara sampai ke Shanghai pada tahun 1927. Dengan sokongan pihak peniaga, Chiang Kai-shek melancarkan pembunuhan keatas ahli-ahli komunis dan pihak yang bersimpati dengan komunis.²⁹ Peristiwa ini dikenali sebagai *the white terror*. Pembunuhan ini membawa kepada pepecahan KMT dengan kumpulan kiri yang pro komunis dan kanan yang anti komunis. Golongan pro komunis dibawah Wang Ching Wei telah memusatkan pentadbirannya di Wuhan. Pada awalnya KMT kiri ini mengecam tindakan Chiang Kai-shek menghapuskan komunis. Hubungan baik KMT kiri dan komunis juga tidak berpanjangan apabila pada Wang Ching Wei mengarahkan penyingkiran komunis dari kumpulannya, dan menghantar wakil untuk mengadakan perdamaian dengan Chiang Kai-shek.³⁰ Tindakan ini diambil oleh Wang Ching Wei bertitik tolak dari maklumat yang beliau terima tentang rancangan komunis untuk merampas kuasa.³¹

Sementara itu pihak komunis dibawah pimpinan Mao Tse-tung telah membentuk kerajaan komunis di pergunungan Jingsang di wilayah Kiangsi. Kerajaan ini dikenali sebagai Kiangsi Soviet. Chiang Kai-shek melihat kedudukan komunis ini sebagai satu yang merbahaya bagi kerajaannya. Oleh itu beliau melancarkan serangan keatas kedudukan komunis di pergunungan

Jinggang ini. Tentera KMT melancarkan beberapa siri serangan dari tahun 1930 sehingga 1934 keatas kedudukan komunis ini.³² Kempen demi kempen dilancarkan oleh Chiang Kai-shek keatas kedudukan pihak komunis di Jinggang akhirnya membuahkan hasil. Pihak komunis terpaksa melarikan diri dari kepungan tentera KMT. Mereka yang berjaya memecahkan kepungan tentera KMT ini telah berundur ke barat dan terus ke utara China. Pihak komunis ini menempuh pelbagai rintangan daripada serangan pihak lawan dan pelbagai bentuk muka bumi yang mencabar serta keadaan cuaca dan iklim yang berbeza-beza. Namun demikian cabaran ini tidak melunturkan semangat mereka. Akhirnya mereka berjaya sampai ke Yanan pada Disember 1936.³³ Di Yanan, pihak komunis menyusun semula strategi dan cuba menjalankan polisi popular dalam kalangan penduduk petani miskin. Pertapakan semula pihak komunis ini tidak menyenangkan Chiang Kai-shek. Beliau mahu terus memerangi pihak komunis.

Sementara itu di Kerajaan KMT di Nanjing dikuasai oleh golongan kapitalis dan bersatu dengan parti kecil yang dimiliki oleh golongan kapitalis. Selepas KMT mula berkuasa, maka langkah untuk mewujudkan dasar ekonomi dan fiskal diambil untuk melindungi kepentingan golongan kapitalis dan langkah ini bersesuaian dalam membangunkan ekonomi kapitalis di China. Namun, KMT tidak mengambil langkah untuk membantu memajukan kawasan luar bandar. KMT hanya memikirkan untuk mendapatkan sokongan golongan kapitalis, oleh itu penumpuan mereka lebih kepada usaha-usaha untuk mendapatkan sokongan golongan kapitalis, terutamanya dalam mendapatkan sokongan dalam rancangan pembangunan negara. Rancangan pembangunan negara merupakan rancangan ekonomi untuk projek-projek membangunkan China. Namun, penduduk luar bandar disisihkan dalam rancangan pembangunan negara. Keadaan ini pastinya telah menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk luar bandar terhadap cara pentadbiran KMT. Sikap negatif KMT terhadap penduduk kawasan luar bandar dapat dilihat apabila KMT menubuhkan sistem keselamatan di luar bandar yang keras. Sistem ini menyukarkan rakyat China di luar bandar untuk mencari rezeki kerana peraturan yang terlalu ketat dan mengikut sistem ini mereka yang keluar semasa sekatan akan dibunuh serta merta. Tujuan sistem ini adalah untuk mengawal rakyat China di luar bandar agar tidak menentang kerajaan.³⁴

Sementara itu golongan panglima perang masih belum ditangani dengan baik oleh KMT. Walaupun beberapa orang panglima perang telah berjaya ditumpaskan tetapi golongan panglima perang yang menyokong KMT menjadi masalah kepada kerajaan KMT. Golongan panglima perang ini walaupun menyatakan taat setia kepada Chiang Kai-shek tetapi mereka tidak mahu membubarkan tentera mereka untuk menjadi tentera nasional.³⁵ Malahan beberapa panglima perang pula tidak begitu gemar dengan dasar Chiang Kai-shek yang tidak mahu bertindak ke atas pencerobohan Jepun keatas Manchuria pada tahun 1931. Chang Hsue-liang yang merupakan panglima perang di

Manchuria selepas kematian ayahnya, telah menculik Chiang Kai-shek di Sian. Peristiwa penculikan itu menunjukkan sikap panglima perang yang tidak sehaluan dengan dasar kerajaan KMT. Tujuan penculikan ini, adalah untuk mendesak Chiang Kai-shek bersatu dengan PKC dalam menentang pencerobohan tentera Jepun di China.³⁶ Kes penculikan ini selesai apabila kedua-dua KMT dan PKC bersetuju bersatu dalam menentang tentera Jepun.

Pencerobohan Jepun Di China

Pencerobohan Jepun di China menjadi masalah baharu dihadapi oleh Chiang Kai-shek dan kerajaannya. Jepun mengerakkan usaha meluaskan wilayah koloninya di China bermula pertengahan abad ke-19 lagi. Dasar perluasan kuasa Jepun semakin merbahaya kepada usaha penyatuan China apabila tentera Jepun menceroboh Manchuria pada 18 September 1931. Tindakan Jepun ini meletakkan kedudukan Chiang Kai-shek dan KMT serba salah kerana penyatuan yang dilakukannya dalam kempen Ekspedisi Keutara belum lagi benar-benar mencerminkan penyatuan China. Beliau terpaksa berhadapan dengan pihak komunis dan panglima perang yang sukar menentukan kesetiannya seperti dijelaskan lebih awal tadi. Oleh itu KMT yang baru sahaja mendirikan kerajaan dalam beberapa tahun tidak dapat berhadapan dengan tentera Jepun yang mempunyai peralatan perang yang lengkap dan canggih. Dasar Chiang Kai-shek pada peringkat ini adalah untuk menumpukan kestabilan dalamannya yang masih lagi belum kukuh. Beliau menasaskan komunis sebagai musuh utama dan perlu dihapuskan daripada pencerobohan Jepun. Hanya kesan insiden Sian mengubah dasar memerangi komunis oleh Chiang Kai-shek kepada bersatu dengan komunis melawan tentera Jepun.

Sementara itu insiden Jambatan Marco Polo meletus di utara China memulakan Perang China-Jepun Kedua. Insiden ini berlaku pada Julai 1937. Dalam hal ini Chiang Kai-shek mengambil pendirian yang tegas untuk berjuang bersama-sama rakyat China melawan Jepun. Dari utara China, peperangan ini meletus pula di Shanghai pada Ogos 1937. Peperangan ini sengaja dimulakan oleh tentera KMT di Shanghai untuk mengganggu tumpuan Jepun di utara China.³⁷ Tentera KMT berjuang bersungguh-sungguh namun bantuan yang datang dari Jepun menyebabkan tentera KMT gagal menyekatnya. Tentera KMT berundur ke Nanking. Tentera Jepun seterusnya mara ke Nanking dan menawan Nanking pada Disember 1937.³⁸ Pada April 1938 tentera KMT dibawah Li Tsung-jen berjaya mengalahkan tentera Jepun di T'ai-erh-chuang. Namun demikian kejayaan ini tidak panjang kerana tentera Jepun berjaya menawan Hsu-chou pada Mei 1938. Sementara itu kemaraan tentera Jepun pada awal Jun 1938 ke Kaifeng terbantut apabila benteng Sungai Kuning dipecah. Namun demikian tentera Jepun kembali mengancam setelah tiga bulan mengalami bencana limpahan air Sungai Kuning. Mereka berjaya menawan Wuhan pada Oktober 1938.³⁹ Pusat kerajaan KMT dipindahkan ke

pedalaman China iaitu di Chungking.

Chiang Kai-shek amat berharap bantuan daripada luar datang ke China. Dalam hal ini Soviet Union telah menghulurkan pertolongan dalam aspek ekonomi, ketenteraan dan sokongan politik. China telah membeli senjata dan peralatan perang dari Rusia. Menurut statistik, bermula dari tahun 1937 hingga tahun 1941, China telah membeli barangan ketenteraan dari Rusia sebanyak 1235 buah pesawat dan 160 000 buah meriam. Sebilangan besar juruterbang Rusia terlibat dalam peperangan ini dan pertolongan ini terbukti apabila lebih daripada 200 juruterbang Rusia telah terkorban akibat daripada peperangan ini. Sokongan seterusnya datang dari Amerika Syarikat. Amerika Syarikat meminjam 1 bilion dolar kepada kerajaan China.⁴⁰ Amerika Syarikat telah menyatakan kesediaannya untuk membantu KMT dari aspek ekonomi dan ketenteraan dalam memerangi Jepun. Bantuan ketenteraan yang dihulurkan oleh Amerika Syarikat adalah dengan menghantar kelengkapan perang kepada tentera China dan menyediakan tentera udara China yang efektif. Selain itu, kerajaan Amerika Syarikat juga menawarkan kerjasama ketenteraan antara China dan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat juga menggalakkan China untuk memberikan usaha maksimum dalam memerangi Jepun di China.⁴¹ Namun demikian wakil Amerika Syarikat yang dihantar ke China iaitu Joseph Stilwell tidak sehaluan dengan Chiang Kai-shek. Dalam banyak perkara beliau tidak sependapat dengan Chiang Kai-shek termasuklah usaha menguatkan angkatan udara dibawah Kolonel Claire Chennault.

Rancangan ini telah memusnahkan pengkalan Jepun di China dan menyebabkan kerugian kepada perkapalan Jepun di persisiran pantai China. Walaupun Jepun menerima kesan buruk daripada serangan udara ini tetapi semangat mereka untuk melawan masih belum luntur. Sebagai tindak balas tentera Jepun melancarkan Operasi Ichi-Go. Operasi ketenteraan ini melibatkan seramai lebih 400,000 tentera Jepun. Matlamat mereka adalah menyerang pengkalan Amerika Syarikat di China. Operasi ini bermula pada tahun 1944 ini menyebabkan banyak bandar di Hunan, Honan dan Kwangsi jatuh ketangan tentera Jepun. Malah pengkalan Chennault di Kweilin dan Liuchow juga jatuh ketangan tentera Jepun. Menurut pengganti Stilwell, iaitu Jeneral Albert Coady Wedemeyer menyatakan bahawa walaupun tentera KMT dibekalkan dengan senjata secukupnya tetapi mereka kekurangan semangat melawan.⁴² Nasib kerajaan KMT berubah apabila tentera Jepun tidak meneruskan operasi tersebut pada awal Disember 1944. Serangan daripada operasi ini menyebabkan sejumlah kira-kira 500,000 tentera KMT terkorban dan cedera. Wilayah jajahan Jepun juga mula meluaskan sehingga ia membawa kerugian hasil pendapatan bagi kerajaan KMT.⁴³ Sementara itu kekalahan lebih besar dihadapi oleh KMT dapat diselamatkan dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki pada tahun 1945. Pengeboman ini membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik. Walaupun ia merupakan satu kejayaan tetapi Chiang Kai-shek tidak dapat menerima kejayaan ini sebagai rahmat.

Ini kerana kesan perang dunia keatas tenteranya cukup besar dan ia tidak mampu untuk menyelesaikan kesan perang ini serta merta kerana kekurangan kakitangan dan kelengkapan. Hal ini menjadi masalah kepada kerajaan KMT selepas perang. Masalah ini berpunca daripada aktiviti komunis di utara China. Walaupun kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bersatu menerusi kesan insiden Sian tetapi perpaduan mereka ini retak apabila berlaku insiden antara kedua-dua pihak apabila Tentera Baharu Keempat komunis diserang pada tahun 1941 di Anhwei.⁴⁴ Oleh kerana itu komunis masih menjadi sasaran KMT dan hal ini membawa masalah besar bagi KMT di China selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

Tamat Perang Dunia Kedua

Selepas tamatnya Perang China-Jepun Kedua, rakyat China mendesak kerajaan KMT menangkap dan menghukum pihak-pihak yang bekerjasama dengan pentadbiran Jepun. Namun demikian kerajaan KMT teragak-agak untuk menyingkirkan pentadbiran yang bekerjasama dengan Jepun. Hal ini membawa kepada tanggapan bahawa kerajaan KMT menyokong tentera Jepun dan boneka Jepun. Sikap kerajaan KMT yang tidak menunjukkan ketegasan terhadap tentera Jepun telah menyebabkan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.⁴⁵ Semasa perbincangan Zhou Enlai, wakil komunis bersama George C. Marshall wakil Amerika Syarikat, Zhou Enlai telah menyatakan bantahan beliau terhadap kerajaan KMT yang menggunakan orang suruhan Jepun dan bekas tentera Jepun dalam mentadbir China. Zhou Enlai tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan KMT kerana Jepun merupakan musuh China dan persepakatan antara kerajaan KMT dengan bekas tentera Jepun akan menyebabkan negara berada dalam situasi terancam. Strategi yang diambil oleh KMT menyebabkan rakyat China bertambah benci terhadap kerajaan KMT dan mengalihkan sokongan mereka terhadap PKC.⁴⁶

Dalam hal ini kerisauan utama kerajaan KMT bukan terhadap kekacauan awam, namun terhadap ancaman yang ditimbulkan oleh PKC. KMT menghadapi masalah untuk mengembalikan pentadbiran yang dikuasai oleh tentera Jepun kerana kekurangan kemudahan pengangkutan. KMT mengasyaki bahawa PKC cuba meluaskan pengaruh mereka di utara Yangtze. Amerika Syarikat cuba membantu kedua-dua pihak bagi menyelesaikan masalah China selepas perang. Walaupun Amerika Syarikat berjaya membawa kedua-dua pihak di meja rundingan tetapi kedua-dua pihak sering mencurigai persetujuan dalam setiap rundingan mereka. Oleh kerana rundingan tidak membuahkan sebarang perkara positif akhirnya membawa kepada Perang Saudara.

Perang Saudara antara kedua-dua pihak bermula pada tahun 1946. Peringkat awal tentera KMT berjaya mengalahkan pihak komunis di utara China dengan menawan Yanan iaitu pusat komunis. Kejayaan KMT ini bersifat sementara kerana pihak komunis menyusun strategi mereka semula.

Mereka menyerang kedudukan KMT di utara dengan menawan Shenyang dan Changchun pada 1948. Kejayaan ini membolehkan mereka mendapat aset pertahanan KMT. Seterusnya mereka mula bergerak ke selatan dengan menawan Loyang. Seterusnya Tsinan iaitu ibu kota wilayah Shantung jatuh ketangan pihak komunis. Semua peristiwa kejatuhan ini berlaku pada tahun 1948. Kejayaan terbesar komunis adalah menawan Nanking iaitu ibu negeri KMT pada April 1949. Kerajaan KMT terpaksa berpindah ke Canton, Chungking dan seterusnya ke Chengdu. Akhirnya Chiang Kai-shek memutuskan untuk berpindah ke Taiwan. Perpindahan ini membawa kepada perpindahan penyokong-penyokong KMT ke Taiwan. Pada bulan 1 Oktober 1949 Mao Tse-tung mengisytiharkan pembentukan Kerajaan Republik China di Peking.⁴⁷

Kesimpulan

Secara keseluruhannya KMT mewarisi kerajaan yang bermasalah daripada pelbagai aspek. Dinasti Qing walaupun pernah melakukan pembaharuan tetapi ia tidak dapat menyelesaikan masalah di China dengan baik. Pemodenan telah digerakkan oleh dinasti ini sejak pertengahan abad ke-19 lagi. Namun demikian dasar Dinasti Qing yang masih lagi melihat China sebagai pusat dunia dan maharaja sebagai anak tuhan telah melemahkan pemodenan di China. Ini kerana mereka mencurigai segala usaha pemodenan yang boleh melenyapkan kuasa maharaja. Oleh itu pelbagai pergerakan penentang telah muncul dari kongis gelap kepada golongan terpelajar. Mereka ini mempunyai pelbagai pendapat dan cadangan untuk menyelesaikan masalah di China. Kemunculan golongan terpelajar yang mendapat pendidikan dari seberang laut terutamanya di Barat dan Jepun membawa kepada kemunculan KMT. Walaupun KMT berjaya menggulingkan Dinasti Qing tetapi KMT masih gagal menyelesaikan masalah dalaman di China. Mereka berdepan dengan golongan konservatif yang masih percaya bahawa kuasa mutlak pemerintah harus dikekalkan. Masalah ini bukan sahaja dari pusat tetapi juga dari wilayah China yang berpecah oleh golongan Panglima Perang yang amat cemburu dengan sebarang usaha mengambil kuasa mereka. Hal ini menunjukkan bahawa KMT menghadapi masalah penyatuan dari segi pentadbiran dan pemerintahan.

Masalah ini ditambahkan lagi dengan ada pihak yang dipengaruhi oleh ideologi komunis yang cuba mengemukakan solusi kepada masalah di China yang tidak sejajar dengan idea Chiang Kai-shek yang lebih mengutamakan golongan kapitalis. Oleh itu kedua-dua pihak iaitu KMT dan komunis mengambil alternatif berbeza dalam mendekati masalah China. KMT lebih mengutamakan pembangunan bandar dan meninggalkan isu luar bandar. Sebaliknya komunis mengambil pendekatan memajukan kebajikan masyarakat luar bandar. Sama ada tektik siapa betul atau salah boleh dibahasakan dalam perkara ini kerana kedua-dua pihak mempunyai sebab-sebab tertentu

mengambil langkah sedemikian. Sebagai kerajaan, KMT sering menjadi bahan kritikan kerana dasarnya yang mungkin tidak difahami, dan senang diserang jikalau dilihat dari sudut lain. Hal inilah yang menyebabkan KMT menjadi mangsa keadaan di China yang tidak menyebelahi mereka. Serangan Jepun misalnya menjadikan KMT bahan kecaman kerana tindakannya tidak patriotik melawan tentera Jepun. Isu tidak patriotik menjadi satu isu yang amat berguna bagi pihak lawan menjatuhkan KMT. Oleh itu malang bagi KMT yang baru saja berkuasa tetapi menghadapi satu masalah yang cukup mencabar sehingga ia tersingkir dari tanah besar.

Nota Akhir

1. Guomintang (GMD) merupakan ejaan pinyin. Bagi buku-buku selepas 1990 GMD menggunakan ejaan *wade giles* iaitu Koumintang (KMT).
2. Antara tulisan yang menyentuh mengenai konflik yang dialami oleh GMD ialah tulisan Suffian Mansor *Sejarah China Modern*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
3. Kerajaan Qing telah memerintah China selama 267 tahun yang diasaskan oleh bangsa Manchu. Pada dahulunya, bangsa Manchu dikenali sebagai Jurchen. Parti Guomintang juga dikenali sebagai Parti Kuomintang. Kerajaan Republik juga dikenali sebagai Kerajaan Guomintang. 李可亭 (Li Keting) 年“1905 清朝由腐到死的转折点” (“1905 nian, Qingchao you fu dai si de zhuanzhedian”). *Journal Of Shanqiu Vocational And Technical College*, 商丘师范学院学报编辑部, 河南商丘 (*shangqiu shifan daxue yuan xuebao bianji bu, henan shangqiu*) 4, no. 1 (Feb, 2005) ; p. 57.
4. Pemberontakan Xinhai adalah pemberontakan 1911 yang menggulingkan Dinasti Qing. Keterangan lanjut lihat Chun-tu Hsueh (ed.), *The Chinese Revolution of 1911: New Perspectives*, Hong Kong: Joint Publishing Co., 1986, Lu Bowei and Wang Guoping, *The Revolution of 1911 : turning point in modern Chinese history*, Beijing: Foreign Language Press, 1991 dan Jean Chesneaux, *China from the 1911 Revolution to liberation*, China from the 1911 revolution to liberation, Hassocks: Harvester Press, 1977.
5. Sun Yat-sen dilahirkan pada tahun 1866 di kampung yang berdekatan dengan pantai, iaitu di Kampung Cuiheng, dan terletak 40 kilometer dari Guangzhou yang kebanyakan penduduknya terdiri daripada keluarga petani. Beliau telah menerima pendidikan Konfusius semasa zaman kanak-kanaknya. Semasa zaman remajanya, Sun Yat-sen telah dimasukkan ke sekolah Iolani, iaitu sebuah sekolah Mubaligh. Bahasa pengajaran di sekolah tersebut adalah dalam bahasa Inggeris. Sun Yat-sen telah dibaptiskan oleh Dr. Charles

Hager setelah beberapa tahun beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Queen, Hong Kong pada sekitar tahun 1884. Melalui pertolongan Dr. Hager, Sun Yat-sen telah diterima masuk ke Sekolah Perubatan di Hospital Guangzhou. Selepas setahun Sun Yat-sen telah berhijrah ke Hong Kong, dan beliau menyambung pengajian di Kolej Perubatan pada Oktober 1887. Pada tahun 1894, Sun Yat-sen telah menjadi ahli politik professional Sun Yat-sen telah menunjukkan kebimbangan terhadap China semasa beliau masih muda dan masih mengikuti pengajian di Sekolah Perubatan. Demi untuk membawa China ke arah pembaharuan, beliau telah mendedahkan satu sifat keperibadian beliau yang mempunyai keyakinan diri, dan sifat ini telah memandu beliau untuk mengubah China menjadi sebuah negara yang moden. Namun demikian beliau gagal mendapat sokongan daripada kerajaan untuk melakukan pembaharuan di China. Atas sebab itu maka Sun Yat-sen telah membuat keputusan untuk mengorganisasikan revolusi masyarakat anti-Qing. Selain itu sebab-sebab lain yang mempengaruhi Sun Yat-sen untuk mengerakkan gerakan anti-Qing adalah sikap pegawai China yang berfahaman konservatif dan tidak mahu perubahan serta terlibat dalam aktiviti rasuah. Rancangan Sun Yat-sen seterusnya adalah untuk menggulingkan kerajaan Qing dan membentuk sebuah kerajaan republik moden di China. Matlamat Sun Yat-sen adalah agar rakyat China hidup dalam keadaan aman dan berada dalam keadaan ekonomi yang baik. Wei Meng-Pu, "The Kuomintang In China: Its Fabric and Future," *Pacific Affairs, University of British Columbia* 13, No. 1 (Mac, 1940): p. 30.

6. John C. DeKorne, "Sun Yat-sen And The Secret Societies," *Pacific Affairs, University of British Columbia* 7, no. 4 (Dec, 1934): p. 42.
7. George T., Yu, "The 1911 Revolution: Past, Present, and Future," *Asian survey* 31, no.10 (Okt., 1991): p. 896- 897.
8. Revolusi Xinhai bermaksud Revolusi 1911. Petter Zarrow, "Historical Trauma: Anti-Manchuism and Memories of Atrocity in Late Qing China," *History and Memory* Vol. 16, No. 2 (Fall/Winter 2004): hal. 67.
9. 蒋美华 (Jiang Meihua) "辛亥革命时期女性角色变迁的特点" ("Perubahan Dalam Peranan Wanita semasa Revolusi Xinhai"), *山西师大学报 (社会科学版)(shanxi shi daxue bao (shehui kexue ban))* Vol. 33, No. 4 (Julai, 2006): hal. 118-119.
10. 彭廷学 (Peng Tingxue) "辛亥时期的妇女参政意识" ("Kesedaran Dalam Penyertaan Wanita Semasa Era Xinhai"), *成都理工大学学报 (社会科学版)(Chengdu ligong daxue xuebao (shehui kexue ban))* Vol. 13, No. 4 (Disember 2005): hal. 33.
11. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden*, hal. 103.

12. Kerajaan GMD juga dikenali sebagai Kerajaan Nasionalis. Ibid, p. 103-105.
13. Ibid, hlm 105.
14. Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, New York: Oxford University Press, 2000, p. 475.
15. Ibid., p.477-478.
16. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), p. 107.
17. Gilbert Reid, "Autocracies and Revolutions in China." *The Journal of International Relations* 10, no. 2 (Okt. 1919): p. 201.
18. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden*, hlm 107.
19. Gilbert Reid. "Autocracies and Revolutions in China", p. 201.
20. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, p. 107.
21. Vic Schneierson, *Modern History of China*, Moscow: Progress Publishers, 1983, hlm 620.
22. Ibid, p.621-622.
23. Duan Qirui merupakan perdana menteri China pada ketika itu. Beliau melantik Li Yuan-hung sebagai presiden China kerana membolehkan beliau mempengaruhi Li Yuan-hung. Ini kerana Li Yuan-hung adalah pemimpin yang lemah. Lihat Suffian Mansor, *Sejarah China Moden*, p. 110.
24. Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), p. 482.
25. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), p.110.
26. Adolf Joffe merupakan ahli revolusi Komunis dan ahli politik Bolshevik. Suffian Mansor, *Sejarah China Moden*, p. 108-109.
27. Alexander Pantsov, *The Bolsheviks and the Chinese Revolution 1919-1927*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 2000, p.47.
28. 琚贻明 (Ju Yiming), "南京国民政府建立初期对外政策评析" ("Nanjing Guoming Zhengfu jianli chuqi dui wai zhengce pingxi"), *民国档案* (*minguo dangan*) 1 (1997): p. 92-93.
29. Rana Mitter, *A Bitter Revolution: China's Struggle with the Modern World*, Oxford: Oxford University Press, 2004, p.159.
30. Jean Chesneaux Francoise, Le Barbier and Marie-Claire Bergere, *China: From the 1911 Revolution to Liberation*, Hassocks, Sussex: The Harvester Press Limited, 1977, p.176.
31. John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution 1800-1985*, London: Pan Books, 1986, p.216.
32. Jean Chesneaux Francoise, Le Barbier and Marie-Claire Bergere, *China: From the 1911 Revolution to Liberation*, p.233-234.
33. Jack Gray, *The Short Oxford History of the Modern World*:

- Rebellions and Revolutions; China From the 1800s to the 1980s*, Oxford: Oxford University Press, 1990, p.271.
34. 茅擎天 (Mao Qingtian), “浅谈国民党南京政府的性质” (“Qian tan Guomintang Nanjing Zhengfu de xingzhi”), *历史教学问题 (Lishi jiaoxue wenti)* 5(1995): p. 63-64.
35. Lihat Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, p.541.
36. Orville Schell and John Delury, *Wealth and Power: China's Long March to the Twenty-First Century*, London: Little, Brown, 2013, p.179.
37. Lloyd E. Eastman, “Nationalist China during the Sino-Japanese War, 1937-1945”, Lloyd E. Eastman, *The Nationalist Era in China 1927-1949*, Cambridge: Cambridge University Press, 1991, p.119.
38. Ibid., p.120.
39. Ibid., p.124.
40. 类伯欢 (Lei Bohuan), “试论中国抗日战争的历史特点” (“Shilun zhongguo kangri zhanzheng de lishi tedian”), *广州师院学报 (社会科学版)* (Guangzhou shiyuan xuebao (Shehui kexue ban)) 4 (1995): p.16.
41. *Executive Secretariat Files*, 1945. Briefing Book Paper. From US Department Of State: Office Of The Historian, *Foreign Relations Of The United States: Diplomatic Papers Conferences At Malta And Yalta, 1945 (Dokumen 242)*. <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1945Malta/d242> ,diperoleh pada Januari 11, 2016.
42. Lloyd E. Eastman, “Nationalist China during the Sino-Japanese War, 1937-1945”, p.149.
43. Ibid.
44. Jean Chesneaux Francoise, Le Barbier and Marie-Claire Bergere, *China: From the 1911 Revolution to Liberation*, p.266.
45. Suzanne Pepper, *Civil War in China*, London: University Of California, 1978, p. 9-13.
46. *Marshall Mission Files*, Lot 54-D270, 1945. Dokumen 567. .From US Department Of State: Office Of The Historian, *Foreign Relations Of The United States: Diplomatic Papers 1945 Volume VII, The Far East, China (Dokumen 567)*.<https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1945v07/d567> (diperoleh pada Januari 11, 2016).
47. Diana Lary, *China's Republic*, Cambridge: Cambridge University Press, 2007, p.166-175.

Rujukan

- Benton, Gregor, Desember. 1994. “Review of Chiang Kai-shek’s Secret Past: The Memoir of His Second Wife.” *The China Quarterly*. Volume 140.

- Bergere, Marie-Claire. 1994. *Sun Yat-Sen*. California: Stanford University Press.
- Buck, David D., Mac 1985. "Review of Chiang Kai-shek: His Life and Times. *The Chine Quarterly*. Volume 101.
- C. Y. Hsu, Immanuel. 2000. *The Rise of Modern China*. New York: Oxford University Press.
- Chesneaux, Jean. 1977. *China from the 1911 Revolution to liberation*, China from the 1911 revolution to liberation. Hassocks: Harvester Press, 1977.
- Chun-tu Hsueh (ed.), 1986. *The Chinese Revolution of 1911: New Perspectives*. Hong Kong: Joint Publishing Co.
- DeKorne, John C., Dec., 1934. "Sun Yat-sen And The Secret Societies," *Pacific Affairs, University of British Columbia*, Volume 7, No. 4.
- Eastman, Lloyd E., 1991. "Nationalist China during the Sino-Japanese War. 1937-1945", Lloyd E. Eastman. *The Nationalist Era in China 1927-1949*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Fairbank, John King. 1986. *The Great Chinese Revolution 1800-1985*, London: Pan Books.
- Franke, Wolfgang. 1970. *A Century of Chinese Revolution*. Oxford: Basil Blackwell.
- Gray, Jack, 1990. *The Short Oxford History of the Modern World: Rebellions and Revolutions; China From the 1800s to the 1980s*, Oxford: Oxford University Press.
- H. Mendel, Jr, Douglas. March., 1979. "Review of The Man Who Lost China: The First Full Biography of Chiang Kai-Shek", *The American Political Science Review*. Volume 73, No. 1.
- Hung-mao Tien, May 1972. "Review of The Early Chiang Kai-Shek: A Study of His Personality and Politics, 1887-1924 ." *The Journal of Asian Studies*. Volume 31, No. 3.
- Hung-Mao Tien. 1972. *Government and Politics In Kuomintang China*. California: Stanford University Press.
- Lary , Diana. 2007. *China's Republic*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lu Bowei and Wang Guoping. 1991. *The Revolution of 1911: Turning Point In Modern Chinese History*. Beijing: Foreign Language Press.
- McAleavy, Henry. 1967. *The Modern History Of China* . New York: Freerick A. Praeger.
- Mitter, Rana. 2004. *A Bitter Revolution: China's Struggle with the Modern World*, Oxford: Oxford University Press.
- Nourse, Mary A., Jan., 1945. "Review of The Chiang Kai-Shek: Asia's Man of Destiny." *The American Historical Review*. Volume 50, No. 2.
- Pepper, Suzanne. 1978. *Civil War In China*, London: University Of California.
- Reid, Gilbert. Okt., 1919. "Autocracies and Revolutions in China." *The Journal*

- of International Relations*, Volume 10, No. 2.
- Schell, Orville and John Delury. 2013. *Wealth and Power: China's Long March to the Twenty-First Century*. London: Little, Brown.
- Schneier, Vic. 1983. *Modern History of China*. Moscow: Progress Publishers.
- Sharif M. Shuja, 1976. "Western Involvement In China (1557-1949)," *Pakistan Horizon* Vol. 29, No. 3, Third Quarter.
- Suffian Mansor. 2009. *Sejarah China Modern*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Thornton, Richard C. 1973. *China, The Struggle For Power, 1917-1972*. Canada: Fitzhenry & Whiteside Limited. Don Mills. Ontario.
- US Department Of State Office Of The Historian. "Memorandum By The Deputy Under Secretary Of State". United States:US Department Of State Office Of The Historian, 24 Januari 1950 <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1950v06/d691>. diperoleh pada 11 Januari 2016.
- US Department Of State Office Of The Historian, "Minutes Of Meeting Held At Nanking, China, United States: U.S. Department Of State Office Of The Historian, 21 December 1945,. <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1945v07/d567>. diperoleh pada 11 Januari 2016.
- US Department Of State Office Of The Historian, "The Ambassador In China (Hurley) To The President". United States: U.S. Department Of State Office Of The Historian, 14 January 1945. <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1945Malta/d242>. diperoleh pada 11 Januari 2016.
- US Department Of State Office Of The Historian, "The Charge In China (Strong) To The Secretary Of State". United States:US Department Of State Office Of The Historian, 27 Oktober 1949, <https://history.state.gov/historicaldocuments/frus1949v09/d169#fnref1>, diperoleh pada 8 Januari 2016.
- Wei Meng-Pu, Mac., 1940. "The Kuomintang In China: Its Fabric and Future," *Pacific Affairs*, *University of British Columbia*, Volume 13, No. 1.
- Wilbur, C. Martin. 1976. *Sun Yat-sen: Frustrated Patriot*, New York: Columbia University Press.
- Yu, George T., Okt., 1991. "The 1911 Revolution: Past, Present, and Future." *Asian survey*. Volume 31, No.10.
- 宫炳成 (GongBingcheng). "南京国民政府社团政策与民众运制" ("Nanjing Guomin Zhengfu shetuan zhengce yu minzhong yundong kongzhi"), PhD thesis., 吉林大学(Jilin daxue), 2012.
- 琚贻明 (Ju Yiming), 1997. "南京国民政府建立初期对外政策析" ("Nanjing Guoming Zhengfu jianli chuqi dui wai zhengce pingxi"), *民国档案 (minguo dangan)*, Volume 1.

- 类伯欢 (Lei Bohuan), 1995. “试论中国抗日战争的历史特点” (“Shilun zhongguo kangri zhanzheng de lishi tedian”), *广州师院学报 (社会科学版)* (*Guangzhou shiyuan xuebao (Shehui kexue ban)*), Volume 4.
- 李可亭 (Li Keting), Feb. 2005. “1905年：清朝由腐到死的转折点” (“1905 nian, Qingchao you fu dai si de zhuanzhedian”), *Journal Of Shanqiu Vocational And Technical College*, *商丘师范学院学报编辑部, 河南商丘 (shangqiu shifan daxue yuan xuebao bianji bu, henan shangqiu)*, Volume 4, No. 1.
- 李云飞 (Li Yunfei), 1994. “孙中山与蒋介石关系迷论” (“Sun Zhongshan yu Jiang Jieshi guanxi mi lun”), *江海学刊* (*Jianghai xue kan*), No. 6.
- 刘琦 (Liuqi), 2005. “论持久战与中国抗日战争的胜利” (“Lun chijiu zhan yu zhongguo kangri zhanzheng de shengli”), *毛泽东思想研究 (Mao Zhedong sixiang yanjiu)*, Volume 2, No. 22.
- 茅擎天 (Mao Qingtian), 1995. “浅谈国民党南京政府的性质” (“Qian tan Guomindang Nanjing Zhengfu de xingzhi”), *历史教学问题 (Lishi jiaoxue wenti)*, Volume 5.
- 唐贤兴&唐李萍 (Tang Xianxin & Tang Liping), 1998. “南京国民政府时期国家整合的失败与现代化计划的受挫” (“Nanjing Guomin Zhengfu shiqi guojia zhenghe de shibai yu xiandaihua jihua de shouchuo”), *江苏社会科学 (Jiangsu shehui kexue)*, Volume 5.
- 王树芹 (Wang Shuqin), 1997. “再论中国抗日战争的开端” (“Zailunzhongguo kangri zhanzheng de kaiduan”), *山东师大学报 (社会科学版)* (*Shandong shi daxue bao (shehui kexue ban)*), Volume 3.
- 吴珍 (Wu zhen), 2013. “孙中山三民主义的理论溯源” (“Sun Zhongshan sanmin zhuyi de lilun suyuan”). *兰台世界 (Lan tai shijue)*, No, 22, Ogos.
- 尹铁 (Yintie), 1998. “论南京政府转向抗日的理由” (“Lun Nanjing Zhengfu zhuanxiang kangri de yuanyin”), *浙江学刊 (Zhejiang xue kan)*, Volume 3.
- 周恩来 (Zhou Enlai). *论统一战线 (lun tongyi zhan xian)*, 一九四五年四月三十日 (April 30, 1945), 建堂以来重要文献选编 (一九二一—一九四九) (Dokumen-dokumen Penting Sejak Penubuhan Parti [1921-1949]. 中共中央文献研究室: 中央档案馆, 第二十二册) (Pusat Penyelidikan Dokumen-dokumen PKC: Arkib Negara China, Buku Ke-22).

Nota Biografi

Dr. Suffian Mansor (smansor@ukm.edu.my) adalah pensyarah kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).. Sebelum berkhidmat di UKM, beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Malaysia

Sarawak dan Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah China Moden. Beliau juga berminat dalam penulisan sejarah Malaysia terutama dalam aspek sejarah Sarawak. Hasil usaha beliau maka beberapa artikel dan bab dalam buku telah dihasilkan dalam bidang kepakaran beliau seperti Sejarah China Moden, Tamadun China, “Islam Dalam Politik Sarawak 1959-1980: Satu Tinjauan Umum”, “Rusuhan Urumqi: Manifestasi Tuntutan Hak Persamaan dan Ekonomi Penduduk Uighur, Xinjiang, China”, “Prestasi Parti yang bertanding dalam pilihan raya Negeri dan Parlimen di Sarawak, 1963-1974”, “Penempatan Asing: Konsesi British dan Penempatan Antarabangsa di China” dan “Kepentingan Orang Cina di Tanah Melayu dan Sarawak terhadap China, 1898-1940”.

Aisha Bibi Kamaruddin (aisha.kamaruddin@yahoo.com) merupakan pelajar sarjana sejarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM). Beliau pernah bekerja sebagai Penolong penyelidik di Institut China, Universiti Malaya. Selain itu beliau juga pernah membenteng kertas kerja bertajuk di Sejarah Tercetusnya Perang Saudara di China (1946-1949) di *3rd International Conference on Social Science Research* (2015).

Dr. Azharudin Mohamed Dali (azharud@um.edu.my) adalah pensyarah kanan di Universiti Malaya (UM).. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah India. Beliau juga berminat dalam penulisan sejarah Malaysia terutama berkenaan dengan Sejarah Selangor dan Orang India di Malaysia. Beliau juga melakukan banyak kajian tentang sejarah perisikan dan juga sejarah haiwan. Hasil usaha beliau maka beberapa buku telah dihasilkan dalam bidang kepakaran beliau seperti Sejarah Islam di India, abad ke-8 hingga abad ke 20, Sejarah Perisikan di Malaysia, Air Mata Kesengsaraan Rohingya: Identiti, Penindasan dan Pelarian dan Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja. Selain buku beberapa artikel dan bab dalam buku juga dihasilkan oleh beliau seperti Orang India dan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu dengan rujukan kepada kes Ganapathy dan Sambasivam, Buaya Dalam Sejarah dan Budaya Masyarakat Melayu, Pengaruh India Dalam Gerakan Kebangsaan, Subaltern’ Dalam Sejarah Malaysia: Satu Penelitian Terhadap Golongan Buruh India Pra-Kemerdekaan, Aktiviti penyuluhan dan Sabotaj Indonesia Terhadap Malaysia Ketika Era Konfrantasi, 1962-1966, Hubungan Malaysia-China: Satu Penelitian Dasar Tunku Abdul Rahman Terhadap China, 1957-1970 dan Sejarah Masyarakat India di Pahang: Satu Tinjauan Awal.